



Official

Politeknik Shah Alam rosak dilanda ribut, hujan batu

MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM || 27 Januari 2022



Keadaan bumbung bangunan Politeknik Shah Alam rosak. Foto: Facebook PSA

SHAH ALAM - Kejadian hujan batu dan ribut yang melanda beberapa kawasan di sini padapetang Khamis turut menjejaskan beberapa infrastruktur di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) di sini.

Menerusi hantaran di Facebook rasmi Politeknik PSA pada Khamis, antara kerosakan dilaporkan ialah bumbung blok bangunan parkir yang tercabut dan runtuh, kebocoran atapserta ruang pejabat dan pokok tumbang di persekitaran serta sepanjang laluan masuk kepusat pengajian tersebut.

Terdapat juga kenderaan staf PSA yang dihempap oleh pokok tumbang dan bumbung yangtercabut daripada blok bangunan.

Kerosakan lain turut dilaporkan ialah alatan alatan pejabat, palang pintu pagar utama yangpatah, kebocoran paip, kerosakan asrama, kuarters, Pusat Islam dan Dewan Al-Jazari.

“Lain-lain kerosakan dan anggaran kos yang terlibat sedang dinilai,” menurut hantaran tersebut.

